

|             |                                       |            |                |
|-------------|---------------------------------------|------------|----------------|
| Headline    | MBMB gempur habis-habisan sarang noda |            |                |
| MediaTitle  | Berita Harian                         |            |                |
| Date        | 21 Oct 2016                           | Language   | Malay          |
| Circulation | 125,514                               | Readership | 947,000        |
| Section     | Nasional                              | Page No    | 12,13          |
| ArticleSize | 1236 cm <sup>2</sup>                  | Journalist | Nurul Fhatihah |
| PR Value    | RM 127,818                            |            |                |
|             |                                       |            |                |



# MBMB gempur habis-habisan sarang noda

➔ Penguatkuasaan tegas pastikan Melaka bersih daripada unsur negatif

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan  
fhatihah@bh.com.my

► Melaka

**M**ajlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) akan membanteras habis-habisan aktiviti maksiat yang tidak sepatutnya wujud di bandar raya ini bagi memastikan Melaka bersih daripada kegiatan tidak bermoral itu dan tidak akan ada lagi selepas ini.

Untuk itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan bersama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) akan melancarkan operasi besar-besaran dalam masa terdekat di Jalan Tun Ali dan Jalan Munshi Abdullah, di sini, bagi membersihkan kawasan itu daripada kegiatan mak nyah dan pelacuran dalam kalangan warga asing.

Datuk Bandar Melaka Bandaraya Bersejarah, Datuk Zainal Husin, berkata beliau akan mengarahkan pegawai penguat kuasa bersama agensi berkaitan yang akan menjalankan operasi melaksanakannya

dengan penuh integriti dan tidak mahu sebarang kebocoran maklumat sehingga menyukarkan kerja.

**Tindakan jika bocor maklumat**  
"Jika ada kakitangan MBMB dikesan bersubahat membocorkan maklumat operasi, mereka akan dikenakan tindakan tatatertib dengan segera.

"Saya juga meminta orang ramai supaya menyalurkan sebarang maklumat mengenai kegiatan ini (pelacuran) bagi mendidik masyarakat untuk bersama-sama bertanggungjawab dalam menangani masalah terbabit," katanya.

Halaman Kota semalam melaporkan warga asing dari Thailand, India dan Indonesia menjadikan kawasan sekitar Jalan Tun Ali dan Jalan Munshi Abdullah sebagai lubang kegiatan pelacuran, di samping kegiatan tidak bermoral memabitkan golongan mak nyah di kawasan berkenaan.

Sementara itu, Ketua Penguat Kuasa JAIM, Rahimin Bani, berkata kegiatan pelacuran dalam kalangan mak nyah itu yang kini ditambah dengan kehadiran warga asing yang menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan pelbagai golongan adalah gejala sosial yang sentiasa diberikan tumpuan pihaknya bagi membendung daripada terus mencemarkan imej bandar raya ini.

## Ganggu masyarakat

Katanya, kegiatan golongan itu turut mengganggu kehidupan masyarakat setempat, termasuk dalam kalangan peniaga di kawasan berhampiran dan juga pelancong yang tidak senang akan kehadiran golongan ini.

"Isu ini (pelacuran) sudah lama dan kita (JAIM) sudah banyak kali dan secara berterusan melakukan

operasi bersama pihak berkuasa berkaitan dan kita tidak pernah berkompromi dalam soal ini.

Katanya, untuk operasi yang akan dilaksanakan, ia akan memabitkan pelbagai agensi, termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri dan Tenaga Nasional Berhad (TNB)

"Mereka yang ditahan akan dirujuk kepada Jabatan Kesihatan negeri bagi menjalani ujian saringan HIV sementara bomba dan TNB pula akan menyiasat status bangunan di kawasan berkenaan yang dipercayai digunakan untuk kegiatan itu," katanya ketika dihubungi, semalam.


Rahimin berkata, MBMB dan Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri akan diminta untuk memeriksa sama ada premis di kawasan berkenaan mempunyai lesen operasi atau tidak berlesen, selain mengenal pasti bangunan yang disalahgunakan untuk kegiatan negatif itu.

"Papan tanda larangan berbuat

maksiat pernah dipasang di lokasi berkenaan sebelum ini tetapi ia sudah rosak.

"Pada masa sama kita juga memasang papan tanda sama di beberapa lokasi di bandar raya ini seperti berhampiran asrama sebuah pusat pengajian tinggi, Melaka Sentral, Dataran Pahlawan dan Pantai Marina bagi membendung gejala ini," katanya.

|             |                                       |            |                |
|-------------|---------------------------------------|------------|----------------|
| Headline    | MBMB gempur habis-habisan sarang noda |            |                |
| MediaTitle  | Berita Harian                         |            |                |
| Date        | 21 Oct 2016                           | Language   | Malay          |
| Circulation | 125,514                               | Readership | 947,000        |
| Section     | Nasional                              | Page No    | 12,13          |
| ArticleSize | 1236 cm <sup>2</sup>                  | Journalist | Nurul Fhatihah |
| PR Value    | RM 127,818                            |            |                |
|             |                                       |            |                |



**Reaksi**



Jika ada kakitangan MBMB dikesan bersubahat membocorkan maklumat operasi, mereka akan dikenakan tindakan tatatertib dengan segera”

**Zainal Husin,**  
Datuk Bandar Melaka  
Bandaraya Bersejarah



Isu ini (pelacuran) sudah lama dan kita (JAIM) sudah banyak kali dan secara berterusan melakukan operasi bersama pihak berkuasa berkaitan dan kita tidak pernah berkompromi dalam soal ini”

**Rahimin Bani,**  
Ketua Penguat Kuasa JAIM

|             |                                       |            |                |
|-------------|---------------------------------------|------------|----------------|
| Headline    | MBMB gempur habis-habisan sarang noda |            |                |
| MediaTitle  | Berita Harian                         |            |                |
| Date        | 21 Oct 2016                           | Language   | Malay          |
| Circulation | 125,514                               | Readership | 947,000        |
| Section     | Nasional                              | Page No    | 12,13          |
| ArticleSize | 1236 cm <sup>2</sup>                  | Journalist | Nurul Fhatihah |
| PR Value    | RM 127,818                            |            |                |
|             |                                       |            |                |

[FOTO KHAIRUNISAH LOKMAN/BH]



**Individu dipercayai terbabit kegiatan tidak bermoral** mencari pelanggan di Jalan Tun Ali, Melaka.

|             |                                       |            |                |
|-------------|---------------------------------------|------------|----------------|
| Headline    | MBMB gempur habis-habisan sarang noda |            |                |
| MediaTitle  | Berita Harian                         |            |                |
| Date        | 21 Oct 2016                           | Language   | Malay          |
| Circulation | 125,514                               | Readership | 947,000        |
| Section     | Nasional                              | Page No    | 12,13          |
| ArticleSize | 1236 cm <sup>2</sup>                  | Journalist | Nurul Fhatihah |
| PR Value    | RM 127,818                            |            |                |
|             |                                       |            |                |



|             |                                       |            |                |
|-------------|---------------------------------------|------------|----------------|
| Headline    | MBMB gempur habis-habisan sarang noda |            |                |
| MediaTitle  | Berita Harian                         |            |                |
| Date        | 21 Oct 2016                           | Language   | Malay          |
| Circulation | 125,514                               | Readership | 947,000        |
| Section     | Nasional                              | Page No    | 12,13          |
| ArticleSize | 1236 cm <sup>2</sup>                  | Journalist | Nurul Fhatihah |
| PR Value    | RM 127,818                            |            |                |
|             |                                       |            |                |



|             |                                       |            |                |
|-------------|---------------------------------------|------------|----------------|
| Headline    | MBMB gempur habis-habisan sarang noda |            |                |
| MediaTitle  | Berita Harian                         |            |                |
| Date        | 21 Oct 2016                           | Language   | Malay          |
| Circulation | 125,514                               | Readership | 947,000        |
| Section     | Nasional                              | Page No    | 12,13          |
| ArticleSize | 1236 cm <sup>2</sup>                  | Journalist | Nurul Fhatihah |
| PR Value    | RM 127,818                            |            |                |
|             |                                       |            |                |



**Keratan akhbar BH,**  
*semalam.*